

Kosmo, 17/1/2018, m/s 6

Guna selepas diluluskan di Dewan Rakyat

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR - Persempadanan baharu hanya boleh diguna pakai dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) selepas ia diluluskan di peringkat Dewan Rakyat dan diwartakan, menurut Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Mohd. Hashim Abdullah (**gambar**).



Jelasnya, SPR telah selesai menjalankan urusan kajian persempadanan semula di semua negeri kecuali Selangor selepas urusan di negeri tersebut tergendala lebih setahun apabila dicabar di mahkamah.

"SPR kini dalam proses mempamerkan syor kedua Kajian Persempadanan Semula Negeri Selangor dengan membuat pindaan terhadap syor pertama setelah mengambil kira representasi bantahan yang didengari atau diterima daripada pembantah yang layak mengikut Perlembagaan Persekutuan bermula 15 Januari hingga 14 Februari ini.

"Jika menerima bantahan terhadap syor kedua itu, SPR akan mengadakan sesi Siasatan Tempatan Kali Kedua dan selepas itu SPR akan menyiapkan Laporan Akhir. Laporan tersebut akan diserahkan kepada Perdana Menteri untuk dibentang dan dibahaskan di Dewan Rakyat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, lebih RM400 juta diperlukan termasuk sewaan, elaun petugas dan perolehan peralatan serta melibatkan 230,000 orang petugas bagi menguruskan PRU-14.